

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(X)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB. GOH CHOON AIK**

2. Apakah status projek-projek yang sedang dijalankan di Batu Kawan seperti berikut:-
 - (a) Projek IKEA dan Power Ikano
 - (b) Universiti yang dimajukan oleh PKT Logistics Sdn Bhd
 - (c) Hospital Columbia.

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

2. Projek IKEA Store yang dalam proses pembinaan dijangka siap sepenuhnya pada awal tahun 2019. IKEA Store dijangka akan dibuka secara rasminya pada 28 Mac 2019. Manakala komponen Power Ikano pula masih dalam proses mendapatkan kelulusan pembangunan (*Development Approvals*).

Pihak PKT Logistics Sdn. Bhd. (PKT) telah menyiapkan pembangunan ‘The 12 Waves’ pada tahun 2017 bagi tujuan pergudangan yang merupakan salah satu komponen dalam pembangunan projek PKT iaitu ‘One Auto Hub’ di Taman Perindustrian Batu Kawan.

Pada masa ini PKT juga sedang dalam proses pembinaan '*The Ship Campus*' iaitu untuk menempatkan sebuah universiti di mana projek ini dijangka siap pada suku kedua tahun 2019.